

11 MAR 2001

Nik Aziz-Parti

SATU PARTI LOGIK, LEBIH MENDEKATKAN KEPADA PENYATUAN, KATA NIK AZIZ

PORT DICKSON, 11 Mac (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Abdul Aziz Nik Mat berkata adalah lebih logik sekiranya ada satu parti bagi orang Melayu kerana ia lebih mendekatkan lagi kepada penyatuan Melayu pada situasi sekarang di negara ini.

"Bagi saya lebih logik, lebih mendekatkan penyatuan Melayu (dengan satu parti untuk orang Melayu) kerana berdasarkan situasi sekarang terdapat dua parti orang Melayu," katanya.

Namun beliau tidak menyatakan parti manakah yang harus dibubar dan dikekalkan bagi mewakili kaum majoriti itu di negara ini.

"Tetapi, oleh kerana orang Melayu beragama Islam, wajiblah takrif Melayu beragama Islam. Maka orang Melayu pun Islam, parti pun mesti berdasar pada Islam," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas lanjut cadangannya supaya hanya ada satu parti sahaja mewakili orang Melayu di negara ini.

Menteri Besar Kelantan itu ditemui selepas menyampaikan ceramah kepada penduduk di kawasan Bukit Pelandok dekat sini hari ini.

Ditanya adakah itu asas untuk Umno-Pas mengadakan pertemuan yang tertangguh hampir sebulan, beliau berkata itu bukanlah syarat terbaru untuk mengadakan pertemuan, tetapi hanyalah pandangan peribadinya.

Katanya, jika semua pihak benar-benar hendak menyatupadukan orang Melayu, parti untuk orang Melayu juga mesti satu sahaja.

"Ini (jika satu sahaja parti untuk orang Melayu) merupakan satu kemenangan bagi orang Melayu sendiri," katanya.

Beliau mengambil teori supaya hanya ada satu parti untuk orang Melayu berdasarkan teori Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta parti Semangat 46 dibubarkan sekiranya hendak memasuki Umno.

"Jadi saya kata, teori itu juga boleh kita guna sekarang pasal Umno, Presiden Umno (Dr Mahathir) sibuk sangat nak menyatupadukan Melayu. Saya kata kalau nak satukan orang Melayu, kita satu sahaja parti, sudahlah," katanya.

Nik Aziz mencadangkan perkara itu semasa berceramah di Majlis Perbandaran Kota Bharu dua hari lepas.

--BERNAMA

APG ZB